

2026 Trial Sejarah T5 Bab 6

Total questions: 32

Worksheet time: 48mins

Instructor name: Mr. Azhari Mohamed

Name Class Date 1. 2026 Trial Selangor (set 1)

Berikut ialah petikan ucapan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dalam Penyata Perbahasan di Dewan Rakyat.

"Pemisahan Singapura merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan"

Tunku Abdul Rahman: Dewan Rakyat, 9 Ogos 1965

Mengapakah beliau berpendapat sedemikian?

I. Tuntutan hak sama rata

II. Peluang ekonomi terhad

III. Ancaman peluasan kuasa

IV. Konflik antara pemimpin

a) I dan II

b) I dan IV

c) II dan III

d) III dan IV

2. 2026 Trial Selangor (set 1)

Kerajaan telah memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama pada tahun 1966.

Mengapakah rancangan tersebut diperkenalkan?

a) Meningkatkan taraf hidup

b) Mengukuhkan pertahanan

c) Memupuk perpaduan rakyat

d) Mengekalkan identiti bangsa

3. 2026 Trial Selangor (set 2)

Sarawak menghadapi krisis perlembagaan pada Jun 1966 yang melibatkan kepimpinan negeri.

Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi menangani krisis tersebut?

a) Menghantar pasukan tentera

b) Mengadakan pilihan raya

c) Mengisytiharkan darurat

d) Membubarkan kabinet

4. 2026 Trial Selangor (set 2)

Maklumat berikut berkaitan satu seruan oleh Sultan Perak kepada rakyat pada tahun 1969.

"Jangan biarkan perkara ini berlaku di negeri Perak."

Apakah tujuan seruan tersebut?

- | | |
|-----------------------------------|----------------------------------|
| a) Menghentikan rusuhan kaum | b) Mengawal penyebaran maklumat |
| c) Memperkukuh sistem pentadbiran | d) Menggalakkan kemajuan ekonomi |

5. 2026 Trial Sejarah Johor (Set 1)

Apakah cabaran kerajaan dalam memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan di Sarawak dan Sabah?

- | | |
|----------------------------|--------------------------------|
| a) Teknologi rendah | b) Saiz negeri yang besar |
| c) Kekurangan tenaga mahir | d) Tentangan dari negara jiran |

6. 2026 Trial Sejarah Johor (Set 1)

Apakah usaha yang diambil untuk mengatasi masalah yang timbul akibat peristiwa 13 Mei 1969?

I. Perang saraf

II. Operasi ketenteraan

III. Pengisytiharan perintah darurat

IV. Penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)

- | | |
|---------------|---------------|
| a) I dan II | b) I dan IV |
| c) II dan III | d) III dan IV |

7. 2026 Trial SMKA

Apakah cabaran kerajaan untuk memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan di Sarawak dan Sabah?

- | | |
|--------------------------|---------------------------|
| a) Ancaman haiwan liar | b) Saiz negeri yang besar |
| c) Teknologi yang rendah | d) Terdapat banyak sungai |

8.

- Operasi Hammer
- Operasi RASCOM
- Operasi Sri Aman

2026 Trial SMKA

Berikut ialah operasi ketenteraan yang dijalankan di Sarawak.

Apakah matlamat operasi tersebut?

- | | |
|------------------------|-------------------------------|
| a) Mengawal sempadan | b) Membuka tanah hutan |
| c) Membanteras komunis | d) Mengadakan latihan tentera |

9. 2026 Trial Negeri Sembilan

Antara berikut, manakah usaha kerajaan bagi memajukan sistem pendidikan di Sarawak dan Sabah selepas pembentukan Malaysia?

- I. Membina sekolah
- II. Melatih tenaga guru
- III. Menubuhkan sekolah vernakular
- IV. Mewujudkan pusat latihan vokasional

- | | |
|---------------|---------------|
| a) I dan II | b) I dan IV |
| c) II dan III | d) III dan IV |

10. 2026 Trial Negeri Sembilan

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan ekoran daripada peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 di negara kita. Apakah peranan MAGERAN?

- I. Menentukan pentadbiran yang licin
- II. Menggantung sementara penerbitan akhbar
- III. Menyusun semula perkhidmatan penerangan
- IV. Menguatkuasakan perintah berkurung

- | | |
|---------------|---------------|
| a) I dan II | b) I dan IV |
| c) II dan III | d) III dan IV |

11. 2026 Trial Melaka

Cabaran politik di Sarawak menjadi cabaran yang dihadapi oleh Malaysia. Apakah faktor berlakunya cabaran tersebut?

I. Hak sama rata

II. Konflik perkauman

III. Krisis perlembagaan

IV. Ancaman keselamatan

a) I dan II

b) I dan IV

c) II dan III

d) III dan IV

12. 2026 Trial Melaka

Apakah langkah kerajaan dalam menangani isu taraf hidup yang berbeza dalam Rancangan Malaysia Pertama?

a) Melancarkan program pembangunan

b) Menggunakan teknologi moden

c) Mengurangkan kadar kelahiran

d) Mengenakan catuan makanan

13. 2026 Trial SABK

Mengapakah negara kita berdepan dengan pelbagai cabaran dari dalam negara selepas Malaysia dibentuk?

a) Campur tangan kuasa barat

b) Ancaman peperangan luar negara

c) Kepelbagaian latar belakang kaum

d) Sistem perundangan negara lemah

14. 2026 Trial SABK

Senarai berikut berkaitan dengan pertubuhan-pertubuhan yang terdapat di Sarawak yang menentang gagasan Malaysia.

Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS)

Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU)

Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU)

Apakah persamaan perjuangan pertubuhan tersebut?

a) Menubuhkan Barisan Bersatu

b) Membentuk republik komunis

c) Menaikkan semangat rakyat

d) Menangani krisis politik

15. 2026 Trial Kuala Lumpur

Apakah isu ekonomi yang menjadi pertikaian antara Malaysia dan Singapura selepas pembentukan Malaysia?

a) Rusuhan kaum

b) Peranan Singapura terhad

c) Nilai pertukaran mata wang

d) Tambahan cukai

16. 2026 Trial Kuala Lumpur

Apakah faktor utama tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?


- | | |
|---------------------------------------|-------------------------------------|
| a) Propaganda tentera Jepun | b) Kemelesetan ekonomi dunia |
| c) Keputusan Pilihan raya Umum Ketiga | d) Provokasi daripada pihak British |

17. 2026 Trial Perak

Apakah cabaran dalaman yang dihadapi selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963?

- | | |
|-------------------------------|----------------------------------|
| a) Perpaduan kaum | b) Pembangunan ekonomi |
| c) Pemerintahan parti politik | d) Pemupukan semangat kenegerian |

18.

2026 Trial Perak

Rajah berikut berkaitan kaedah kerajaan menangani ancaman komunis di Sarawak.

Apakah kaedah X?

- | | |
|---------------------------|-----------------------------------|
| a) Perang Saraf | b) Perintah berkurung |
| c) Pengisytiharan darurat | d) Pembesaran pasukan keselamatan |

19. 2026 Trial Terengganu

Negara kita menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukan Malaysia.

Apakah cabaran dalaman yang dihadapi oleh Malaysia?

- I. Membangunkan kemudahan komunikasi
- II. Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
- III. Memajukan sistem pendidikan
- IV. Masalah alam sekitar

- | | |
|---------------|---------------|
| a) I dan II | b) I dan IV |
| c) II dan III | d) III dan IV |

20. 2026 Trial Terengganu

MAGERAN diberi kuasa memerintah semasa darurat dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971.

Apakah tanggungjawab majlis tersebut?

- | | |
|------------------------------------|-----------------------------------|
| a) Menggubal Enakmen Jenayah | b) Menguatkuasakan Akta Hasutan |
| c) Menggantung perlembagaan negara | d) Menyusun perkhidmatan kerajaan |

21. 2026 Trial Pahang

Maklumat berikut berkaitan ucapan Tunku Abdul Rahman dalam perbahasan di Dewan Rakyat.

"Pemisahan Singapura merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan"

Bagaimanakah isu tersebut diselesaikan?

- | | |
|-----------------------------|----------------------------|
| a) Menganjurkan demonstrasi | b) Melancarkan konfrontasi |
| c) Mengadakan rundingan | d) Menggunakan pujukan |

22.

2026 Trial Pahang

Gambar berikut berkaitan rusuhan kaum di negara kita.

Apakah usaha kerajaan untuk mengatasi tragedi tersebut?

- I. Melancarkan operasi ketenteraan
- II. Memperkenalkan Rancangan Briggs
- III. Menubuhkan MAGERAN
- IV. Mengisytiharkan darurat

- | | |
|---------------|---------------|
| a) I dan II | b) I dan IV |
| c) II dan III | d) III dan IV |

23. 2026 Trial Kedah

Penduduk di Sabah dan Sarawak masih bergantung kepada pertanian sara diri selepas pembentukan Malaysia.

Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu tersebut?

- | | |
|------------------------------------|--|
| a) Melancarkan kempen berniaga | b) Memberi pendidikan pemasaran |
| c) Membuka ladang pertanian swasta | d) Menggalakkan penanaman kelapa sawit |

24. 2026 Trial Kedah

Tugu Negara telah dibom oleh komunis pada pagi 26 Ogos 1975.

Apakah tindakan kerajaan selepas peristiwa tersebut?

- | | |
|-----------------------------|---|
| a) Membuka Kampung Baru | b) Melaksanakan perang saraf |
| c) Memulakan Operasi Hammer | d) Menandatangani Perjanjian Kerjasama Sempadan |

25. 2026 Trial Kelantan

Antara berikut manakah cabaran yang dihadapi negara selepas pembentukan Malaysia?

- I. Pembangunan ekonomi
- II. Kejatuhan mata wang
- III. Ketidakstabilan sosial
- IV. Persaingan politik

- | | |
|---------------|---------------|
| a) I dan II | b) I dan IV |
| c) II dan III | d) III dan IV |

26. 2026 Trial Kelantan

Maklumat berikut berkaitan usaha kerajaan untuk mengatasi ancaman komunis.

Menyebarkan risalah

Mengisytiharkan Kawasan putih

Berdasarkan maklumat tersebut kerajaan melaksanakan


- | | |
|-------------------|---------------------|
| a) Perang Saraf | b) Rundingan Baling |
| c) Operasi Hammer | d) Kampung Baru |

27. 2026 Trial Sarawak

Apakah cabaran kerajaan dalam memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan di Sabah dan Sarawak?

- | | |
|--------------------------|----------------------------|
| a) Negeri mundur | b) Modal yang terhad |
| c) Saiz negeri yang luas | d) Kekurangan tenaga kerja |

28.

2026 Trial Sarawak

Rajah berikut menunjukkan operasi ketenteraan di Sarawak.

Mengapakah operasi tersebut dilancarkan?

- a) Menyekat kemasukan Barat
- b) Membendung pengaruh komunis
- c) Membanteras pendatang asing
- d) Menghalang pengaruh Jepun

29. 2026 Trial SBP

Bagaimanakah sistem pendidikan di Sarawak dan Sabah dimajukan selepas pembentukan Malaysia?

- a) Memberi latihan perguruan
- b) Memperkenalkan biasiswa
- c) Menubuhkan tabung pelajaran
- d) Mewujudkan pembiayaan pendidikan

30. 2026 Trial SBP

Bagi melindungi rakyat daripada ancaman komunis, kerajaan telah melaksanakan strategi *Counterinsurgency* (COIN) melalui usaha

- a) memenangi hati rakyat
- b) menawarkan pengampunan
- c) melaksanakan catuan makanan
- d) menempatkan semula penduduk

31. 2026 Trial Pulau Pinang

Maklumat berikut berkaitan dengan cabaran pemisahan Singapura daripada Malaysia.

- Tuntutan pasaran bersama
- Cukai tambahan terhadap Singapura
- Faedah pinjaman RM150 juta

Mengapakah cabaran tersebut terjadi?

- a) Hasutan kuasa asing
- b) Provokasi parti komunis
- c) Kemunculan golongan radikal
- d) Kegagalan rundingan

32. 2026 Trial Pulau Pinang

Petikan berikut berkaitan ancaman komunis di Asia Tenggara.

Menurut Teori Domino yang berpengaruh dalam politik Asia Tenggara pada tahun 1960-an, komunis sudah bertapak di Indo-China dan akan menguasai negara-negara lain di Asia Tenggara.

Apakah tindakan pemimpin kita untuk mengatasi ancaman tersebut?

- | | |
|--------------------------------------|----------------------------------|
| a) Menyokong pembentukan Melayu Raya | b) Memeterai perjanjian sempadan |
| c) Menyekat kemasukan imigran | d) Meminda perlembagaan |